

**BULI DI KALANGAN PELAJAR SEKOLAH RENDAH LUAR BANDAR:  
KAJIAN KES DI KAWASAN FELDA UTARA KEDAH-PERLIS, MALAYSIA  
(BULLY AMONG RURAL PRIMARY SCHOOL STUDENTS: A CASE STUDY OF  
NORTH KEDAH-PERLIS FELDA TERRITORY, MALAYSIA)**

Junainor Hassan<sup>1</sup>  
Salleh Abd Rashid<sup>2</sup>  
Suliadi Firdaus Sufahani<sup>3</sup>  
Mohd Kasturi Nor Abd Aziz<sup>4</sup>

<sup>1, 2, 4</sup> *Universiti Malaysia Perlis*

<sup>3</sup> *Universiti Tun Hussin Onn*

### ABSTRACT

*The present study examines bullying in primary school children aged 7 to 12 years old who are estate settlers. BBQ Olweus Questionnaire was administered with a reliability Cronbach alpha of 0.899 towards n=110 primary school children. The study gives an indication of existing bullying behaviour of 37.3% from n-110 sample respondents with verbal bullying being the most prevalent ( $\chi^2=0.9873$ ); relational bullying ( $\chi^2=0.8065$ ) and physical bullying ( $\chi^2=4591$ ). Consequently, the finding of this study pointed out recess was the peak time of bullying behaviour to occur (89% lining up; 80% lining up and taking up food, 69% in toilet and 46.4% journey to and from classes). Subsequently, this study shows strong relationships between bullying locations and type of bullying with relational ( $r=0.833, >0.05$ ), verbal ( $r=0.704, >0.05$ ) and physical ( $r=0.619, >0.05$ ). Finally, there were strong relationships between the type of bully and type of bullying behaviours with verbal ( $r=0.692, p>0.05$ ), relational ( $r=0.614, p>0.05$ ) and physical ( $r=0.468, p>0.05$ ).*

**Keywords:** *bullying behaviour, primary school children, estate settlers.*

### PENGENALAN

Senario yang semakin merunsingkan ibu bapa dan masyarakat di Malaysia pada masa kini ialah keganasan tingkah laku di sekolah terutamanya kejadian buli (Smith, Cowie, Olafsson & Liefoghe, 2002). Perbuatan buli yang berlaku dalam kalangan pelajar boleh mendatangkan kesan sehingga menjejaskan kesihatan seperti menghadapi masalah dalam tabiat makan dan berat badan (Farrow & Fox, 2010), mendatangkan kecederaan fizikal, kecederaan kekal termasuk maut (Anderson, Kaufman, Simon, Barrious, Paulozzi & Ryan, 2001 & Federal Bureau of Investigation, 1995), pengasingan daripada sosialisasi (Sharp, 1995 & Woods & Wolke, 2002), menjejaskan kualiti akademik (Glew, Fan, Katon, Rivara & Kernis, 2005), dan menghadapi masalah dalam membina hubungan sosialisasi dengan komuniti sekolah (Yoneyama & Rigby, 2006), serta mendatangkan masalah kesihatan mental

(Kumpulainen & Rasanen's, 2000). Oleh yang demikian, perbuatan buli dalam kalangan pelajar sekolah terutamanya pada usia muda perlu diambil perhatian oleh pelbagai pihak bukan sahaja keluarga, pihak sekolah, organisasi pendidikan bahkan masyarakat setempat.

Buli di kalangan pelajar sekolah rendah merupakan indikasi kanak-kanak zaman sekarang mengalami perubahan zaman teknologi media yang mempengaruhi pembentukan personaliti dan tingkah laku (Dill, Redding, Smith, Surette & Cornell, 2011) sehingga menjadi ganas dan tidak terkawal. Justeru itu, buli dilihat sebagai ancaman besar dalam pembentukan sosialisasi positif antara masyarakat terutama komuniti setempat (Cheng, Newman, Qu, Mbulo, Chai, Chen & Shell, 2009 & Georgiou, Fousiani, Michaelides & Stavrinides, 2013). Ini bertentangan dengan landasan budaya timur yang terkenal dengan adab, sopan santun dan

amalan sikap hormat menghormati di antara satu sama lain tanpa mengira umur, status sosial, status ekonomi, bangsa, agama, kepercayaan, adat dan warna kulit.

### **PERNYATAAN MASALAH**

Kebanyakan kajian buli dilakukan di sekolah-sekolah bandar dan luar bandar yang berdekatan dengan kemudahan (Yahaya, Boon, Hashim, Mustaffa & Muhamad, 2008; Yahaya & Ahmad, 2005; Saibon & Khairani 2006 & Khalid, 2007) moden seperti kompleks-kompleks membeli belah, capaian teknologi maklumat, kemudahan jalanraya dan kemudahan kenderaan awam yang memudahkan penduduk untuk bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain dengan kawasan setempat yang lain. Ini secara tidak langsung memberikan kebebasan berkomunikasi dan bersosialisasi dengan masyarakat setempat yang lain. Justeru itu, membuatkan serapan pemikiran, adab dan perlakuan (budaya) dan bentuk sosialisasi yang boleh menukar keadaan perlakuan, persepsi dan budaya masyarakat setempat tersebut (Wan Yusoff, Wan Abdul Kadir, 2005).

Manakala, kajian ini melihat secara khusus kejadian dan tingkah laku buli dalam komuniti setempat yang hanya tertumpu pada lokasi kelompok masyarakat yang berciri likat iaitu komuniti dalam perladangan FELDA. Kawasan pendudukan masyarakat setempat yang terletak jauh di dalam kawasan perladangan FELDA membuatkan ciri-ciri budaya masyarakat setempat tersebut hanya berada atau terserap dalam kalangan komuniti itu sahaja. Pergaulan sosialisasi juga adalah terhad pada kelompok komuniti tersebut berbanding dengan sosialisasi masyarakat kelompok yang berada luar daripada kawasan perladangan FELDA. Dalam kelompok masyarakat FELDA; konsep 'tiada sesiapa yang tidak tahu sesiapa' dan setiap apa yang berlaku akan diketahui oleh setiap keluarga di FELDA menjadikan kelikatan masyarakat FELDA yang tiada pada masyarakat lain walaupun pada masyarakat komuniti jenis perkampungan di sesebuah kawasan lain.

Oleh yang demikian, pengkaji tertarik dengan persoalan; adakah dengan kelikatan sosialisasi

dan perkongsian satu budaya komuniti masyarakat setempat di kawasan pendudukan perladangan membuatkan kurangnya tingkah laku langsung (buli) terutama di kalangan anak-anak sekolah rendah di kawasan perladangan FELDA?

### **PERSOALAN KAJIAN**

Berikutan daripada persoalan kajian ini, pengkaji berminat untuk menjalankan kajian ke atas pelajar sekolah rendah yang bersekolah di kawasan perladangan FELDA dengan memfokuskan kepada dua persoalan utama yang ingin diterokai iaitu:

- a. Apakah benar pelajar sekolah rendah luar bandar yang bersekolah di perladangan FELDA terlibat dengan perbuatan buli di sekolah?
- b. Jika benar, berapa kerapkah kejadian buli berlaku, siapakah si pembuli, bentuk perlakuan buli dan di mana kejadian buli berlaku?

### **OBJEKTIF KAJIAN**

#### **Objektif umum**

Objektif umum kajian ialah untuk melihat dan menganalisis kejadian buli di kalangan pelajar sekolah rendah yang belajar di sekolah luar bandar khususnya di kawasan perladangan FELDA.

#### **Objektif khusus**

Terdapat tiga objektif khusus kajian iaitu:

- i. Melihat dan menganalisis kejadian buli dalam bentuk bilangan kejadian buli, tempoh dibuli, bilangan pembuli, siapa pembuli dan lokasi kejadian buli di sekolah.
- ii. Melihat dan menganalisis kejadian buli dalam tiga bentuk tingkah laku buli iaitu buli secara tingkah laku langsung atau fizikal, buli secara verbal dan buli secara relasional.
- iii. Melihat dan menganalisis sama ada bilangan pembuli, siapa pembuli dan lokasi dibuli mempengaruhi bentuk tingkah laku buli.

### HIPOTESIS KAJIAN

Hipotesis dibina merujuk pada objektif kajian:

i. Melihat dan menganalisis kejadian buli dalam bentuk bilangan kejadian buli, tempoh dibuli, bilangan pembuli, siapa pembuli dan lokasi kejadian buli di sekolah.

*Hipotesis 1*

Ho: Tiada perbezaan yang signifikan antara bilangan kejadian buli dengan tempoh buli.

*Hipotesis 2*

Ho: Tiada perbezaan yang signifikan antara bilangan kejadian buli dengan bilangan pembuli.

*Hipotesis 3*

Ho: Tiada perbezaan yang signifikan antara bilangan kejadian buli dengan siapa pembuli.

*Hipotesis 4*

Ho: Tiada perbezaan yang signifikan antara bilangan kejadian buli dengan lokasi buli.

ii. Melihat dan menganalisis kejadian buli dalam tiga bentuk tingkah laku buli iaitu buli secara tingkah laku langsung atau fizikal, buli secara verbal dan buli secara relational.

*Hipotesis 5*

Ho: Tiada perbezaan yang signifikan antara bilangan kejadian buli dengan buli secara fizikal (tingkah laku langsung).

*Hipotesis 6*

Ho: Tiada perbezaan yang signifikan antara bilangan kejadian buli dengan buli secara verbal.

*Hipotesis 7*

Ho: Tiada perbezaan yang signifikan antara bilangan kejadian buli dengan buli secara relational.

iii. Melihat dan menganalisis sama ada bilangan pembuli, siapa pembuli dan lokasi dibuli mempengaruhi bentuk tingkah laku buli.

*Hipotesis 8*


Ho: Tiada terdapat hubungan yang signifikan antara bilangan pembuli dengan buli secara fizikal, buli secara verbal dan buli secara relational.

*Hipotesis 9*

Ho: Tidak wujud hubungan yang signifikan antara siapa pembuli dengan buli secara fizikal, buli secara verbal dan buli secara relational.

*Hipotesis 10*

Ho: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara lokasi buli dengan buli secara fizikal, buli secara verbal dan buli secara relational.



**Rajah 1** Kerangka Kajian

Bagi kajian ini markat kekerapan kejadian buli dan jenis buli yang berlaku di sekolah menggunakan *Bullying Behaviour Questionnaire (BBQ)*.

### **Kepentingan kajian**

Hasil kajian adalah penting bagi melihat senario kejadian buli di kalangan pelajar sekolah rendah luar bandar dengan mengenal pasti kekerapan kejadian buli, lokasi, siapa yang menjadi pembuli dan jenis perlakuan kerana akan dapat membantu:

- i. Guru dan pihak pentadbiran sekolah mereka bentuk program yang bersesuaian dalam memberikan dan meningkatkan kesedaran terhadap implikasi buli di sekolah.
- ii. Kaunselor dalam menyediakan program kaunseling yang bersesuaian terhadap mana-mana kategori individu atau kelompok yang berpotensi untuk membuli termasuk mangsa buli.
- iii. Mana-mana institusi dan organisasi pendidikan untuk membina modul dan kempen yang bersesuaian dengan persekitaran sekolah luar bandar dalam meningkatkan kesedaran diri dan mencegah kejadian buli.

### **Limitasi kajian**

Terdapat beberapa limitasi kajian iaitu pertama isu kerahsiaan. Isu buli adalah isu sensitif yang boleh menjejaskan keselamatan, imej dan hak peribadi pelajar sekolah, masyarakat dan beberapa organisasi maka; semua pelajar sekolah dan sekolah yang terlibat dalam kajian tidak boleh dinamakan dan didedahkan.

Kedua, edaran borang kaji selidik dilakukan di luar waktu sekolah (tidak rasmi) untuk mengelakkan ketidaktelusan memberi maklumat. Ini adalah kerana sekolah merupakan institusi pengajian yang mempunyai limitasi jadual waktu tertentu. Manakala, pengkaji mahukan jawapan yang telus dengan masa yang cukup untuk para pelajar menjawab soalan-soalan yang dikemukakan dalam borang kaji selidik.

Ketiga, edaran borang kaji selidik dilakukan di luar kawasan sekolah (tidak rasmi) iaitu

semasa pelajar menunggu ibu bapa atau penjaga untuk pulang ke rumah untuk mengelakkan ketidaktelusan memberi maklumat. Ini adalah kerana difahami pelajar terutama pelajar sekolah rendah akan lebih mudah bekerjasama sekiranya merasakan tiada ancaman atau rasa tidak selesa dari mana-mana pihak apabila hendak menjawab soalan-soalan yang dikemukakan dalam borang kaji selidik.

Keempat, sebanyak 250 borang kaji selidik diedarkan oleh pengkaji tetapi hanya 110 yang menghantar semula borang kaji selidik yang diedarkan. Pengkaji mengutip semula borang kaji selidik dengan bantuan ibu bapa dan penjaga para pelajar yang telah dipersetujui awal.

### **Definisi operasi**

Menurut Olweus (2001), buli ialah perbuatan tingkah laku langsung yang diperlakukan kepada orang lain dengan sengaja. Kebanyakan perbuatan buli bertujuan untuk menunjukkan kuasa dan keupayaan menundukkan orang lain (Olweus, 2005) serta perbuatan tersebut dilakukan secara berulang kali (Rigby, 2002). Perbuatan buli mempunyai tiga aktor iaitu pembuli, mangsa buli dan pemerhati (Rigby, 2002 & Olweus, 2001 & 2005). Manakala, terdapat tiga jenis buli iaitu buli secara fizikal, buli secara verbal dan buli secara relational (Olweus, 2007).

## **METODOLOGI**

### **Populasi**

Populasi kajian ialah pelajar sekolah rendah luar bandar yang bersekolah di sekolah rendah FELDA di kawasan utara Semenanjung Malaysia iaitu di negeri Kedah dan Perlis, Malaysia.

### **Sampel responden**

Sampel responden dalam kajian ini ialah sebanyak 110 orang pelajar sekolah rendah yang terdiri daripada darjah 1 hingga darjah 6 yang berusia seawal 7 hingga 12 tahun. Kesemua pelajar adalah berbangsa Melayu.

### Teknik persampelan

Teknik persampelan rawak digunakan dalam kajian ini.

Tatacara pengumpulan data borang kaji selidik Sebanyak 250 borang kaji selidik telah diedarkan tetapi hanya 110 borang kaji selidik yang diperolehi semula oleh pengkaji. Borang kaji selidik diedarkan di luar kawasan dan di luar waktu persekolahan bagi memastikan pelajar mempunyai masa yang cukup iaitu seminggu untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan dan menjawab dengan jujur dan ikhlas.

### Tatacara pengumpulan data dan bahan rujukan

#### i. Borang kaji selidik

Data di kumpul menggunakan kaedah borang kaji selidik. Borang kaji selidik diedarkan kepada responden dan diminta untuk mengisinya di rumah. Borang kaji selidik kemudiannya dikutip semula selepas seminggu.

#### ii. Kajian perpustakaan

Kajian perpustakaan digunakan untuk melihat, mengkaji dan menganalisis kajian-kajian lepas termasuk definisi operasi.

#### iii. Kajian Internet (jurnal, artikel, dokumen dan bahan rujukan lain)

Rujukan sumber dari kajian Internet dilakukan untuk melihat, mengkaji dan menganalisis kajian-kajian lepas, definisi operasi termasuk juga maklumat lain.

### Instrumen kajian

**Bullying Behaviour Questionnaire (BBQ)** yang dibina oleh *Dr. Dan Olweus* pada awal tahun 1970an merupakan alat uji kelangsangan tingkah laku buli yang tertumpu pada kejadian buli di sekolah (Olweus, 2007). Borang kaji selidik ini mempunyai dua kategori iaitu pembuli dan mangsa buli. Instrumen ini mempunyai 40 item yang mengukur kekerapan dan tempoh kejadian buli, jenis buli, lokasi buli, sokongan dan pemberitahuan buli. BBQ ini menggunakan skala Likert dengan menggunakan tanda (/).

Walau bagaimanapun pertama, dalam kajian ini pengkaji hanya mengguna pakai 36 soalan sahaja kerana item yang merujuk pada penggunaan komunikasi telah digugurkan. Item-item tersebut ialah 12a, 12b, 32a dan 32b.

Contoh soalan:

1. Bagaimanakah perasaan anda terhadap sekolah anda?

Tandakan (/)	Kenyataan perasaan
	Saya sangat tidak sukakannya.
	Saya tidak sukakannya.
	Saya tiada mempunyai perasaan apa-apa.
	Saya sukakannya.
	Saya sangat menyukainya.

- ii. Terdapat tiga dimensi dalam BBQ yang dibina oleh pengkaji untuk menjawab objektif kajian iaitu:

Ciri	Item
Bilangan kejadian	3
Tempoh kejadian	15
Bilangan pembuli	14
Siapa pembuli	13
Lokasi buli	16 16i (a,b,c,d,e,f,g,h,i,j,k,l,m,n,o,p,q,r,s)
Dimensi	Item
Fizikal	6, 12
Verbal	4, 7, 10, 11 & 12
Relational	5, 7, 8, 9, 10, 11 & 12

### Analisis data

Data dianalisis menggunakan perisian statistik SPSS versi 21.

- i. Analisis frekuensi dilakukan untuk melihat pertama, perbezaan di antara kejadian buli dengan:

- a. Bilangan kejadian buli.
- b. Tempoh dibuli.
- c. Bilangan pembuli.

- d. Siapa pembuli.
  - e. Lokasi buli.
- Kedua, melihat dimensi kekerapan bentuk tingkah laku buli:
- a. Buli berbentuk kelangsangan tingkah laku fizikal.
  - b. Buli berbentuk verbal.
  - c. Buli berbentuk relational.

*ii. Analisis regresi dan korelasi dilakukan untuk meneliti dan menentukan bentuk hubungan di antara:*

- a. Bilangan pembuli dengan buli berbentuk kelangsangan tingkah laku fizikal, buli berbentuk verbal dan buli berbentuk relational.
- b. Siapa pembuli dengan buli berbentuk kelangsangan tingkah laku fizikal, buli berbentuk verbal dan buli berbentuk relational.
- c. Lokasi buli dengan buli berbentuk kelangsangan tingkah laku fizikal, buli berbentuk verbal dan buli berbentuk relational.

### **SOROTAN KAJIAN LEPAS**

Menurut Olweus (2007), buli adalah satu bentuk perbuatan dengan niat dan disengajakan. Perlakuan buli bertujuan mendatangkan kecederaan, ketidakselesaan dan menjatuhkan air muka atau memalukan pelajar yang selalunya lebih lemah daripada pelajar yang lebih 'berkuasa' (Vlachaou, Anreou, Botsoglou & Didaskalou, 2011 & Baldry, 2004). Terdapat tiga jenis buli iaitu buli secara fizikal, buli secara verbal dan buli secara relational (Vlachou et al., 2011; Paluck & Shepherd, 2012 & Duffy & Nesdale, 2008).

Perlakuan buli seringkali berlaku dalam kawasan sekolah (Schwartz, Shalhevert & Kassabri, 2008). Kajian mengenai perlakuan buli telah dijalankan seawal tahun 1970an (James, 2010) dan semakin agresif dijalankan kerana perlakuan buli pada masa ini telah menjadi semakin serius dan kompleks terutama kesan terhadap mangsa buli, pembuli serta memerlukan program-program yang bersesuaian (Olweus, 2001). Oleh kerana rumusan statistik kes buli di Malaysia yang direkodkan tidak dikumpulkan pada satu sumber; ini menyukarkan capaian maklumat

yang tepat bagi kes-kes buli yang berlaku di sekolah. Maka, bagi tujuan huraian kes kejadian buli di sekolah maklumat diperolehi daripada rekod pihak berkuasa polis dan sorotan ringkas berita-berita buli yang dilaporkan di akhbar-akhbar di Malaysia.

Merujuk pada laporan Polis Diraja Bukit Aman, Malaysia (2010) terdapat 13,134 kes buli yang dilaporkan dari tahun 200 hingga tahun 2007. Walau bagaimanapun, menurut Dr. Mohd Puad Zarkashi, Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia, 2011 terdapat penurunan kes buli sebanyak 9.42% pada tahun 2011 yang mana 2,617 kes dilaporkan berbanding 2,889 pada tahun 2009 dan 3,107 pada tahun 2008 (Utusan Malaysia, 2011). Kebanyakan kes buli ini melibatkan individu berumur 7 hingga 18 tahun (Utusan Malaysia, 2004 & Utusan Borneo, 2011). Enam kes kematian direkodkan dan 1,691 kes jenayah yang melibatkan pelajar sekolah dilaporkan pada tahun 2002, tiga kes kematian dari Januari hingga Julai pada tahun 2003 dengan 176 kes gengsterisme, 627 kes gangguan seksual dan 909 kes buli (Utusan Malaysia, 2004).

Melihat pula pada beberapa laporan luar negara yang disenaraikan oleh Primedia Company (2004), iaitu seramai 207 orang pelajar mati ditembak di kawasan sekolah di Columbia. Manakala, kajian dari tahun 1996 hingga 1997 di Columbia terhadap 23 buah sekolah (sekolah rendah, menengah awam dan sekolah tinggi) mendapati 57% pengetua sekolah rendah dan menengah awam melaporkan kejadian keganasan (buli) di sekolah lebih dari satu kali dalam masa satu hari (Primedia Company, 2004). Menurut Georgiou, Fousiani, Michalis dan Stavrinides (2013), perbuatan buli merupakan perbuatan yang diperteguhkan oleh faktor orientasi nilai budaya dan keluarga yang mengamalkan didikan dan asuhan berbentuk autoritarian. Manakala, DeRosier, Cillessen, Coie dan Dodge (1994) mengatakan salah satu faktor pembentukan perlakuan buli di sekolah ialah konsep 'kekitaan dan kepunyaan'. Seseorang individu akan tertarik atau terpaksa melakukan perbuatan buli untuk dirinya diterima dalam kumpulan komunitinya atau kumpulan rakan-rakannya di sekolah (Sutton, Smith & Swettenham, 1999; & Ojala & Nesdale, 2004).

**KEPUTUSAN KAJIAN**

**Kebolehpercayaan instrumen**

Sampel kajian terdiri daripada 110 (n=110) orang pelajar sekolah rendah luar bandar dalam perladangan FELDA yang merangkumi darjah 1 hingga darjah 6 iaitu seawal usia 7 tahun hingga 12 tahun. Kebolehpercayaan yang diperolehi oleh BBQ dalam kajian ialah 0.899.

**Keputusan ujian hipotesis**

Melihat dan menganalisis kejadian buli dalam bentuk bilangan kejadian buli, tempoh dibuli, bilangan pembuli, siapa pembuli dan lokasi kejadian buli di sekolah.

*Hipotesis 1*

Ho: Tiada perbezaan yang signifikan antara bilangan kejadian buli dengan tempoh buli.

**Jadual 1:** Perbezaan antara bilangan buli dengan tempoh buli

	Min	Perbezaan min	t	Sig
Bilangan kejadian	0.3273			
Tempoh	0.7000	0.12311	-3.028	0.003

Sampel berpasangan ujian-t digunakan untuk menganalisis min perbezaan antara bilangan kejadian buli dengan tempoh dibuli dalam kalangan pelajar sekolah rendah FELDA. Hasil dapatan diilustrasi dalam Jadual 1. Didapati terdapat hubungan yang signifikan sederhana antara Bilangan Kejadian Buli dengan Tempoh dibuli ( $t=-3.028$ ,  $p<0.01$ ). Maka, hipotesis nul kajian ditolak. Ini menunjukkan bilangan kejadian buli mempengaruhi kekerapan tempoh lamanya seseorang pelajar itu dibuli.

*Hipotesis 2*

Ho: Tiada perbezaan yang signifikan antara bilangan kejadian buli dengan bilangan pembuli.

**Jadual 2:** Perbezaan antara bilangan buli dengan bilangan pembuli

	Min	Perbezaan min	t	Sig
Bilangan kejadian	0.3273			
Bilangan pembuli	1.3364	0.10689	-9.440	0.000

Sampel berpasangan ujian-t digunakan untuk menganalisis min perbezaan antara bilangan kejadian buli dengan bilangan pembuli dalam kalangan pelajar sekolah rendah FELDA. Hasil dapatan diilustrasi dalam Jadual 2. Didapati terdapat hubungan yang signifikan antara Bilangan Kejadian Buli dengan Bilangan Pembuli ( $t=-9.440$ ,  $p<0.01$ ). Maka, hipotesis nul kajian tidak diterima. Ini menunjukkan bilangan kejadian buli mempengaruhi kekerapan jumlah bilangan pembuli.

**Jadual 2(i):** Kekerapan bilangan pembuli

	Frekuensi	Peratus
Tidak pernah dibuli dalam beberapa bulan	41	37.3
2-3	60	54.5
4-9	9	8.2
Total	110	100

Sehubungan dengan itu, Jadual 2(i) menunjukkan seramai 60 orang responden daripada n=100 orang responden dibuli oleh 2 hingga 3 orang pembuli dan 9 orang responden dibuli oleh 4 hingga 9 orang pembuli. Manakala, 41 orang responden memberikan maklum balas tidak pernah dibuli dalam beberapa bulan.

*Hipotesis 3*

Ho: Tiada perbezaan yang signifikan antara bilangan kejadian buli dengan siapa pembuli.

**Jadual 3:** Perbezaan antara bilangan buli dengan siapa pembuli

	Min	Perbezaan min	t	Sig
Bilangan kejadian	0.3273			
Siapa pembuli	2.1091	0.17679	-10.078	0.000

Sampel berpasangan ujian-t digunakan untuk menganalisis min perbezaan antara bilangan kejadian buli dengan siapa pembuli dalam kalangan pelajar sekolah rendah FELDA. Hasil dapatan diilustrasi dalam Jadual 3. Didapati terdapat hubungan yang signifikan

antara Bilangan Kejadian Buli dengan Siapa Pembuli ( $t=-10.078$ ,  $p<0.01$ ). Maka, hipotesis nul kajian ditolak. Ini menunjukkan bilangan kejadian buli mempengaruhi kekerapan siapa si pembuli.

**Jadual 3(i):** Kekerapan siapa pembuli

	Frekuensi	Peratus
Tidak pernah dibuli dalam beberapa bulan	41	37.3
Rakan sedarjah; sekelas	12	10.9
Rakan sedarjah; berlainan kelas	8	7.3
Rakan berlainan darjah; berlainan kelas	49	44.5
Total	110	100

Merujuk pada Jadual 3(i) menunjukkan seramai 49 orang responden daripada  $n=100$  orang responden dibuli oleh rakan berlainan darjah dan berlainan kelas; 12 orang responden dibuli oleh rakan sedarjah dan sekelas dan 8 orang dibuli oleh rakan sedarjah tetapi berlainan kelas. Manakala, 41 orang responden memberikan maklum balas tidak pernah dibuli dalam beberapa bulan.

#### *Hipotesis 4*

Ho: Tiada perbezaan yang signifikan antara bilangan kejadian buli dengan lokasi buli.

**Jadual 4:** Perbezaan antara bilangan buli dengan lokasi buli

	Min	Perbezaan min	t	Sig
Bilangan kejadian	0.3273			
Lokasi buli	0.4818	0.10103	-1.530	0.129

Sampel berpasangan ujian-t digunakan untuk menganalisis min perbezaan antara bilangan kejadian buli dengan lokasi buli dalam kalangan pelajar sekolah rendah FELDA. Hasil dapatan diilustrasi dalam Jadual 4. Didapati terdapat hubungan yang tidak signifikan antara Bilangan Kejadian Buli dengan Lokasi Buli ( $t=-1.530$ ,  $p<0.01$ ). Maka, hipotesis nul kajian diterima. Ini menunjukkan bilangan kejadian buli tidak mempengaruhi kekerapan lokasi di mana seseorang pelajar itu dibuli.

**Jadual 4(i):** Kekerapan lokasi buli

	Frekuensi	Peratus
i. Tidak pernah dibuli dalam beberapa bulan	57	51.8
ii. Dibuli dalam 1 lokasi atau lebih	53	48.2
a. Waktu rehat (bilik/padang/dewan rehat)	98	89.1
b. Waktu makan (semasa sedang beratur)	9	8.2
c. Waktu makan (sedang beratur ambil makan)	88	80
d. Waktu makan (sedang makan)	8	7.3
e. Waktu perjalanan pergi-pulang kelas	51	46.4
f. Waktu perjalanan pergi-pulang surau	37	33.6
g. Dalam kelas (sebelum guru masuk)	16	14.5
h. Dalam kelas (semasa guru mengajar)	16	14.5
i. Dalam tandas	76	69.1

Merujuk pada Jadual 4(i) adalah kekerapan kejadian buli mengikut lokasi. Waktu rehat adalah lokasi yang paling kerap berlakunya kejadian buli iaitu 89%; diikuti oleh waktu makan apabila sedang beratur mengambil makanan 80%; dalam tandas sekolah 69.1%; waktu perjalanan pergi dan pulang dari kelas 46.4%; waktu perjalanan pergi dan pulang dari surau 33.6%; dalam kelas iaitu sebelum guru masuk mengajar 14.5%; dalam kelas semasa guru mengajar 14.5%; waktu makan semasa sedang beratur 8.2% dan waktu makan semasa sedang makan 7.3%.

Melihat dan menganalisis kejadian buli dalam tiga bentuk tingkah laku buli iaitu buli secara tingkah laku langsung atau fizikal, buli secara verbal dan buli secara relational.

#### *Hipotesis 5*

Ho: Tiada perbezaan yang signifikan antara bilangan kejadian buli dengan buli secara fizikal (tingkah laku langsung).



**Jadual 5:** Perbezaan antara bilangan buli dengan buli fizikal

	Min	Perbezaan min	t	Sig
Bilangan kejadian Buli fizikal	0.3273	0.6479	-2.034	0.044

Sampel berpasangan ujian-t digunakan untuk menganalisis min perbezaan antara bilangan kejadian buli dengan buli secara fizikal dalam kalangan pelajar sekolah rendah FELDA. Hasil dapatan diilustrasi dalam Jadual 5. Didapati terdapat hubungan yang agak signifikan antara Bilangan Kejadian Buli dengan Buli Fizikal ( $t=-2.034$ ,  $p<0.01$ ). Maka, hipotesis nul kajian boleh juga diterima. Walau bagaimanapun, apabila nilai ( $t=0.044<0.05$ ) ini diambil kira maka, menunjukkan bilangan kejadian buli masih mempunyai pengaruh sedikit dalam kekerapan perlakuan buli secara fizikal.

*Hipotesis 6*

Ho: Tiada perbezaan yang signifikan antara bilangan kejadian buli dengan buli secara verbal.

**Jadual 6:** Perbezaan antara bilangan buli dengan buli verbal

	Min	Perbezaan min	t	Sig
Bilangan kejadian Buli verbal	0.3273	0.6649	-9.927	0.000

Sampel berpasangan ujian-t digunakan untuk menganalisis min perbezaan antara bilangan kejadian buli dengan buli secara verbal dalam kalangan pelajar sekolah rendah FELDA. Hasil dapatan diilustrasi dalam Jadual 6. Didapati terdapat hubungan yang signifikan antara Bilangan Kejadian Buli dengan Buli Verbal ( $t=-9.927$ ,  $p<0.01$ ). Maka, hipotesis nul kajian ditolak. Ini menunjukkan bilangan kejadian buli mempunyai pengaruh dalam kekerapan perlakuan buli secara verbal.

*Hipotesis 7*

Ho: Tiada perbezaan yang signifikan antara bilangan kejadian buli dengan buli secara relational.

**Jadual 7:** Perbezaan antara bilangan buli dengan buli relational

	Min	Perbezaan min	t	Sig
Bilangan kejadian Buli relational	0.3273	0.8071	-5.938	0.000

Sampel berpasangan ujian-t digunakan untuk menganalisis min perbezaan antara bilangan kejadian buli dengan buli secara relational dalam kalangan pelajar sekolah rendah FELDA. Hasil dapatan diilustrasi dalam Jadual 7 menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara Bilangan Kejadian Buli dengan Buli Relational ( $t=-5.938$ ,  $p<0.01$ ). Maka, hipotesis nul kajian ditolak. Ini menunjukkan bilangan kejadian buli mempunyai pengaruh dalam kekerapan perlakuan buli secara relational.

iii. Melihat dan menganalisis sama ada bilangan pembuli, siapa pembuli dan lokasi dibuli mempengaruhi bentuk tingkah laku buli.

*Hipotesis 8*

Ho: Tiada terdapat hubungan yang signifikan antara bilangan pembuli dengan buli secara fizikal, buli secara verbal dan buli secara relational.

**Jadual 8:** Hubungan antara bilangan pembuli, buli fizikal, buli verbal dan relational

	Bil. pembuli	Fizikal	Verbal	Relati-onal
Bil. pembuli	1			
Buli fizikal	.622**	1		
Buli verbal	.747**	.860**	1	
Buli relational	.707**	.826**	.941	1

Manakala, Jadual 8 merumuskan analisis korelasi dalam melihat hubungan antara bilangan pembuli dengan buli secara fizikal, buli secara verbal dan buli secara relational. Hasil keputusan analisis mendapati

terdapatnya hubungan yang signifikan antara bilangan pembuli dengan buli secara fizikal ( $r=0.622$ ,  $p>0.05$ ); buli secara verbal ( $r=0.747$ ,  $p>0.05$ ) dan buli secara relational ( $r=0.707$ ,  $p>0.05$ ).

**Jadual 8(i):** Kekerapan jenis perlakuan buli

	Min
Fizikal	0.4591
Verbal	0.9873
Relational	0.8065

Manakala, Jadual 8(i) menunjukkan tingkah laku buli secara verbal adalah yang paling kerap berlaku iaitu sebanyak ( $\bar{x}=0.9873$ ); buli relational ( $\bar{x}=0.8065$ ) dan buli secara fizikal ( $\bar{x}=0.4591$ ).

#### Hipotesis 9

Ho: Tidak wujud hubungan yang signifikan antara siapa pembuli dengan buli secara fizikal, buli secara verbal dan buli secara relational.

**Jadual 9:** Hubungan antara siapa pembuli, buli fizikal, buli verbal dan relational

	Siapa pembuli	Fizikal	Verbal	Relational
Siapa pembuli	1			
Buli fizikal	.468**	1		
Buli verbal	.692**	.860**	1	
Buli relational	.614**	.826**	.941	1

Jadual 9 pula merumuskan analisis korelasi dalam melihat hubungan antara siapa pembuli dengan buli secara fizikal, buli secara verbal dan buli secara relational. Hasil keputusan analisis mendapati terdapatnya hubungan yang agak signifikan antara siapa si pembuli dengan buli secara fizikal ( $r=0.468$ ,  $p>0.05$ ). Manakala, terdapat hubungan yang signifikan antara buli secara verbal ( $r=0.692$ ,  $p>0.05$ ) dan buli secara relational ( $r=0.614$ ,  $p>0.05$ ).

#### Hipotesis 10

Ho: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara lokasi buli dengan buli secara fizikal, buli secara verbal dan buli secara relational.

**Jadual 10:** Hubungan di antara lokasi buli, buli fizikal, buli verbal dan relational

	Siapa pembuli	Fizikal	Verbal	Relational
Lokasi buli	1			
Buli fizikal	.619**	1		
Buli verbal	.704**	.860**	1	
Buli relational	.833**	.826**	.941	1

Sehubungan dengan itu, Jadual 10 merumuskan analisis korelasi dalam melihat hubungan antara lokasi buli dengan buli secara fizikal, buli secara verbal dan buli secara relational. Hasil keputusan analisis mendapati terdapatnya hubungan yang signifikan antara lokasi buli dengan buli secara fizikal ( $r=0.619$ ,  $p>0.05$ ); buli secara verbal ( $r=0.704$ ,  $p>0.05$ ) dan buli secara relational ( $r=0.833$ ,  $p>0.05$ ).

## PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

Perlakuan buli di sekolah rendah luar bandar dalam kawasan perladangan sesuatu yang perlu diambil perhatian serius seperti mana di sekolah-sekolah dalam bandar dan luar bandar yang lain. Walaupun, komuniti masyarakat ladang khususnya FELDA mempunyai perkongsian satu budaya hidup dan kelikatan sosialisasi akibat daripada bentuk kependudukan komuniti berpusat, kejadian buli masih berlaku dalam kalangan pelajar yang bersekolah di sekolah rendah.

Justeru itu, peranan penting institusi keluarga di rumah ialah dengan mendidik dan menerapkan langkah-langkah menjaga keselamatan diri di sekolah. Kesedaran awal kepada perbuatan buli perlu disemai dalam diri pelajar. Walaupun, institusi sekolah merupakan tempat di mana pelajar sekolah rendah menghabiskan sebahagian masanya, keluarga merupakan model pengajaran dan

pembentukan sahsiah terawal (Butler & Platt, 2008).

Ibu bapa perlu peka akan sensitiviti emosi anak-anak sekiranya terdapat perubahan emosi yang lain daripada kebiasaannya. Interaksi secara terbuka dan berterusan perlu diamalkan bagi memberi isyarat kepada anak bahawa ibu bapa sentiasa berada di sisinya untuk menghulurkan bantuan sekiranya perlu dan dikehendakinya.

Oleh yang demikian, institusi keluarga perlulah memberi kerjasama kepada pihak sekolah dengan sentiasa mengambil berat hal ehwal persekolahan anak-anak. Ibu bapa juga perlu memberi sokongan terhadap Persatuan Ibu Bapa (PIBG) yang dikendalikan oleh pihak sekolah yang seringkali mengadakan sesi perjumpaan ibu bapa dengan pihak sekolah. Peluang ini perlu diambil oleh ibu bapa dan pihak sekolah untuk membincangkan apa sahaja isu berbangkit yang berkaitan dengan anak-anak yang bersekolah di sekolah tersebut.

Manakala, sekolah merupakan institusi formal penting dalam memastikan kes buli ini dapat dibanteras dan dikawal. Sekolah bertanggungjawab menjalankan aktiviti yang boleh membina sahsiah pelajar. Aktiviti-aktiviti yang boleh dijalankan adalah seperti kem ibadah, program mentor-mentee, minggu suai kenal pelajar baru dan senior tanpa adanya budaya *ragging*, program pembentukan sahsiah, kursus motivasi dan sebagainya. Justeru itu, fungsi Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) juga adalah penting dalam membantu mengekang dan membanteras perbuatan buli di sekolah.

Terdapat tiga fungsi dan peranan PRS dalam membantu pihak sekolah iaitu bertindak sebagai sumber tidak formal kepada pihak sekolah, pembantu pelajar melalui program mentor-mentee dan bertindak sebagai pemujuk rakan bermasalah untuk berjumpa dengan kaunselor (Abdul Rahman, 2001).

Sekolah juga boleh mengadakan aktiviti bulanan pendedahan dan kesedaran buli seperti bulan tayangan video (filem, drama ataupun rancangan berbentuk dokumentari) mengenai buli (Dill, Redding, Smith, Surette & Cornell, 2011), menggunakan kaedah model terapi

bersama keluarga (Butler et al., 2008) dan sebagainya.

Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri termasuk agensi-agensi kerajaan juga perlu memainkan peranan dalam memberantas perlakuan buli di sekolah. Terdapat beberapa akta di Malaysia seperti di bawah Artikel 19 dan 37 untuk memastikan kanak-kanak mempunyai hak untuk dilindungi dari segala bentuk keganasan fizikal dan mental termasuk seksaan atau kezaliman, penghinaan atau hukuman yang tidak berperikemanusiaan. Ini termasuk Akta Kanak-kanak 2001 dalam Dasar Negara dan pelan Tindakan Kanak-kanak, serta Dasar Negara dan Pelan Tindakan Perlindungan Kanak-kanak pada tahun 2009 sebagai tambahan kepada Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah yang mana undang-undang telah meletakkan kes buli sebagai salah laku jenayah (SUHAKAM, 2004).

Beberapa program yang telah dijalankan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Johor seperti Program Integrasi Tangani Anti Sosial (PINTAS), Kelab Pencegahan Jenayah dengan kerjasama Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), mengedarkan pekeliling Ikhtisas Kementerian Pelajaran Malaysia Bil 8/2010 (Garis Panduan Mencegah dan Menangani Perbuatan Buli dalam Kalangan Murid di Sekolah) dan edaran buku Panduan Pengurusan Buli di sekolah perlu dicontohi (Sinar, 2015).

Cadangan kajian masa hadapan: Berikutan daripada hasil kajian ini, pengkaji mencadangkan agar diadakan kajian terhadap faktor berlakunya perlakuan buli di kalangan pelajar sekolah rendah FELDA. Fokus kajian juga perlu melihat kepada implikasi perlakuan buli pelajar sekolah rendah (anak-anak peneroka FELDA) ke atas sosialisasi masyarakat terutamanya institusi kekeluargaan yang mempunyai satu budaya berpusat.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman, Zuraidah. (2001). Pembimbing Rakan Sebaya Langkah Seterusnya: Suatu Pendekatan Efektif Kaunseling Dan Psikologi Dalam Menghasilkan Generasi Wawasan Yang

- Cemerlang. Petaling Jaya IBS: UUM Holding.
- Anderson, C. A.; Kaufman, J.; Simon, T. R.; Barrious, L.; Paulozzi, L. & Ryan, G., et. (2001). School-associated violent deaths in United States, 1994-1999. *Journal of the American Medical Association*, 286, 2695-2702.
- Baldry, Anna C. (2004). 'What about bullying?'. An Experimental field study to understand student's attitudes towards bullying and victimization in Italian middle school. *British Journal of Educational Psychology*, 74, 583-598.
- Butler VI, John L. & Lynn Platt, Rhi Anna. (2008). Bullying: A Family and School System Treatment Model. *The American Journal of Family Therapy*, 36, 18-29.
- Cheng, Yulan; Newman, Ian, M.; Qu, Ming; Mbulo, Lazarous; Chai, Yan; Chen, Yan & Shell, Duanne F. (2009). Being Bullied and Psychosocial Adjustment Among Middle School Students in China. *Journal of School Health*, 80(4), 193-199.
- De Rosier, M. E.; Cillessen, A. H. N.; Coie, J. & Dodge, K. A. (1994). Group social context and children's aggressive behaviour. *Child Development*, 65, 1068-1079.
- Duffy, Amanda L. & Nesdale, Drew. (2008). Peer Groups, Social Identity, and Children's Bullying Behaviour. *Social Development*, 18(1), 121-139.
- Farrow, Claire V. & Fox, Claire L. (2010). Gender differences in relationships between at school and unhealthy eating and shape-related attitudes and behaviours. *British Journal of Psychology*, 409-420.
- Federal Bureau of Investigation. (1995). 1994 Uniform crime report: Supplemental homicide reports. Washington, DC: Department of Justice.
- Georgiou, Stellios N.; Fousiani, Kyriaki; Michaelides, Michalis & Stavrinides, Panayiotis. (2013). Cultural Value Orientation and Authoritarian Parenting as Parameters of Bullying and Victimization at School. *International Journal of Psychology*, 48(1), 69-78.
- Glew, G. M.; Fan, M. Y.; Katon, W., Rivera, F. P. & Kernie, M. A. (2005). Bullying, psychosocial adjustment and academic performance in elementary school. *Archives of Paediatric & Adolescent Medicine*, 159, 1026-1031.
- James, Alana. (2010). School bullying. PhD Researcher. Goldsmiths, University of London. Taken from NSPCC. [www.org.uk.inform](http://www.org.uk.inform).
- Khalid, Mahadi. (2007). Tingkah laku Buli dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Sarawak. Seminar Penyelidikan Pendidikan Institut Perguruan Batu Lintang.
- Kumpulainen, L. & Rasanen, E. (2000). Children involved in bullying at elementary school age: Their psychiatric symptoms and deviance in adolescence. *Child Abuse and Neglect*, 24, 1567-1577.
- Olweus, D. (2001). Peer harassment: A critical analysis and some important issues. In J. Juvonen & S. Graham (Eds.). *Peer harassment in school: The plight of the vulnerable and victimized*, 3-20. NY: Guilford Press.
- Ojala, Kris & Nesdale, Drew. (2004). Bullying and social identity: The effects of group norms and distinctiveness threat on attitudes towards bullying. *British Journal of Developmental Psychology*, 22, 19-25.
- Olweus, Dan. (2005). A useful evaluation design and effects of the Olweus Bullying Prevention Program. *Psychology, Crime & Law*, 11(4), 389-402. Routledge.
- Olweus, Dan. (2007). *Olweus Bullying Questionnaire: Standard School Report*. USA: Minnesota. Hazelden Pub.
- Paluck, Elizabeth Levy & Shepherd, Hana. (2012). The Salience of Social Reference: A Field Experiment on Collective Norms and Harassment Behaviour in a School Social Network. *Journal of Personality and Social Psychology*, 103(6), 899-915.
- Primedia Articles. (2014). New York Times. Diambil daripada <http://www.primedia.com>
- Rigby, K. (2002). *New perspectives on bullying*. London & Philadelphia: Jessica Kingsley.
- Saibon, Jamalsafri, Khairani, Ahmad Zamri. (2006). *Kertas kerja: Hubungan Antara Status Sosial Murid dengan Tahap*

- Tingkah laku Buli*. Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan: Universiti Sains Malaysia.
- Sharp, S. (1995). How much does bullying hurt? The effects of bullying on the personal well-being and educational progress of secondary school students. *Educational and Child Psychology*, 12(2), 81-88.
- Schwartz, Shalhevert, Attar & Kassabri, Mona Khoury. (2008). Indirect versus Verbal Forms of Victimization at School: The Contribution of Student, Family, and School Variables. *National Association of Workers*, 32(3), 159-170.
- Sinar. (2015). Enam program tangani kes buli di sekolah di laksana. Diambil daripada <http://www.sinarharian.com.my/nasiona/enam-program-tangani-kes-buli-di-sekolah-dilaksana>
- Smith, P. K.; Cowie, H.; Olafsson, R. F. & Liefhoghe, A. P. D. (2002). Definitions of bullying. A comparison of terms used, and age and gender differences, in a fourteen-country international comparison. *Child Development*, 73, 1119-1133.
- Solberg, Mona E. & Olweus, Dan. (2003). Prevalence Estimation of School Bullying with the Olweus Bully/Victim Questionnaire. *Aggressive Behaviour*, 29, 239-298.
- Statistic Report by Malaysian Police of Bukit Aman. (2010).
- SUHAKAM. (2014). Kanak-kanak Berhak Bebas Daripada Keganasan, Gangguan dan Buli. Capaian pada 21 September 2015. <http://www.suhakam.org.my/ms/the-right-of-children-to-be-free-from-violence-harassment-and-bullying/>
- Sutton, Jon; Smith, Peter K. & Swettenham, John. (1999). Bullying and 'Theory of Mind': A Critique of the 'Social Skills Deficit' View of Anti-Social Behaviour. *Social Development*, 8(1), 117-127.
- Utusan Borneo. (2011). Diambil daripada [www.utusanborneo.com](http://www.utusanborneo.com)
- Utusan Malaysia. (2011). Diambil daripada [www.utusan Malaysia online](http://www.utusanmalaysia.com).
- Utusan Malaysia. (2004). Diambil daripada [www.utusan Malaysia online](http://www.utusanmalaysia.com).
- Vlachou, Maria; Andreou, Eleni; Botsoglou, Kafenia & Didaskalou, Eleni. (2011). Bully/Victim Problems Among Preschool Children: A Review of Current Research Evidence. *Educational Psychology Review*, 23, 329-358.
- Wan Yusoff, Wan Abdul Kadir. (2005). Globalisasi, internasionalisme dan nasionalisme dalam mempertahankan identiti Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 16.
- Woods, S. & Wolke, D. (2003). Does the content of anti-bullying policies inform us about the prevalence of direct and relational bullying behaviour in primary schools? *Educational Psychology*, 23, 381-401.
- Yahaya, Azizi & Ahmad, Abdul Latif. (2005). Persepsi Guru dan Pelajar terhadap Perlakuan Buli di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Daerah Batu Pahat. *Jurnal Teknologi*, 43, 63-86.
- Yahaya, Azizi; Boon, Yusof; Hashim, Shahrin; Mustaffa, Mohammad Sharif & Muhamad, Zurhana. (2008). *Kajian Indeks Perlakuan Buli di Kalangan Pelajar-Pelajar di Sekolah Menengah dan Rendah di Malaysia*. Jabatan Asas Pendidikan, Fakulti Pendidikan: Universiti Teknologi Malaysia. Vot 78069 (MOHE).
- Yoneyama, S. & Rigby, K. (2006). Bully/victim students & classroom climate. *Youth Studies Australia*, 25(3), 34-41.